

21 APR 2003

Shahidan-Puji

TIADA HIPOKRIT DALAM KEMPEN HARI PUJI DAN NASIHAT, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 21 April (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata "hari puji dan nasihat" yang dicadangkan pada Mei ini tidak akan berganjak daripada landasan kebenaran.

Menurutnya, pujian hanya untuk perkara yang baik tetapi jika ada perkara yang tidak baik, nasihat akan diberikan.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan pemimpin bersama masyarakat di Kampung Kolam Raja, Kayang dekat sini, hari ini, Shahidan berkata, jika perkara itu buruk, ia tidak akan dipuji.

Ditanya sama ada perkara itu boleh dikembangkan ke peringkat nasional, Shahidan berkata, beliau tidak akan mencadangkannya.

"Sesuatu yang baik terutama ke arah mewujudkan perpaduan rakyat seharusnya diterima dan dilaksanakan oleh semua pihak," katanya.

Ditanya mengenai pujian Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Hadi Awang ke atas Perdana Menteri, Shahidan berkata, seluruh anggota PAS patut mencontohi pemimpin utama mereka.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut diberi pujian dan penghormatan oleh negara-negara luar dan sudah sewajarnya ia diberi pujian oleh seluruh rakyat negara ini tanpa mengira fahaman politik.

Mengulas ulasan sebuah akhbar berbahasa Melayu bahawa kempen "hari puji dan nasihat" itu mungkin mengakibatkan kewujudan sikap hipokrit sebagaimana budaya Barat, Shahidan berkata, ia tidak akan berlaku.

"Kita tidak hipokrit. Yang baik kita puji, yang tak baik kita tak puji tapi kita akan beri nasihat," katanya.

Sebelum itu, Shahidan menyerahkan kunci rumah di bawah program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) kepada penduduk Kampung Kolam Raja, Hadzim Mat, 26, yang sebelumnya menetap dalam sebuah pondok kecil.

Hadzim, yang bekerja sendiri bagi menyara isteri dan tiga anaknya bersyukur dengan sumbangan itu.

-- BERNAMA

AD PR